

Malaysia berminat terokai rangkaian 5G

^ [FOTO BERNAMA]

Ketika Barat meluahkan kebimbangan terhadap ancaman keselamatan teknologi 5G Huawei, Tun Dr Mahathir Mohamad mengambil langkah bertentangan dengan melawat pusat penyelidikan serba canggih syarikat telekomunikasi China itu, di sini.

Ingin melihat sendiri kemajuannya, Perdana Menteri diberi taklimat berhubung pembangunan teknologi dan perniagaan Huawei oleh pengasas merangkap Presidennya, Ren Zhengfei.

Ren mengasaskan Huawei pada 1987 dengan bermodalkan 21,000 yuan (RM12,900) sebelum menjadikannya firma perkakasan telekomunikasi terbesar dunia.

Dr Mahathir dan Ren, 74, yang masing-masing tersenarai sebagai antara 100 individu paling berpengaruh 2019 oleh majalah *Time*, berbincang bagaimana untuk memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) ke arah meningkatkan pembangunan ekonomi Malaysia serta memberi kemudahan kepada masyarakat.

Perdana Menteri berkata, Malaysia berminat menerokai rangkaian 5G pada masa depan berikutan keupayaannya mengurangkan proses dalam beberapa bidang seperti pembuatan dan membuat keputusan.

Ren turut menyatakan penghargaan terhadap kerajaan Malaysia kerana menyokong pembangunan perniagaan syarikat itu sejak 18 tahun lalu.

"Kami sedia mempelajari dan



Dr Mahathir ketika mengadakan sidang telekomunikasi secara langsung dengan rakyat Malaysia pada lawatan di Huawei Beijing Research Centre, semalam.

memenuhi keperluan kerajaan Malaysia, selain berkongsi pengalaman dalam bidang ICT.

"Huawei mengecapi pertumbuhan rancak sejak memasuki pasaran Malaysia pada 2001. Ibu pejabat wilayah kami di Malaysia dan kami mempunyai 11 pusat perkhidmatan perkongsian di negara itu yang digerakkan oleh 2,400 kakitangan, dengan kira-kira 1,600 daripadanya adalah rakyat tempatan," katanya.

Kedua-dua pemimpin mengeluarkan kenyataan di sini, semalam.

Sebelum ini, Perdana Menteri menyatakan Malaysia mendapati Huawei bukan ancaman terhadap keselamatan 'buat masa ini'.

Pembangunan terkini teknologi 5G

Semalam, Ren bersama pakar teknikal Huawei memberi penerangan berhubung pembangunan terkini teknologi 5G kepada Perdana Menteri, termasuk perkhidmatan pengkomputeran awan.

Dr Mahathir turut diberi taklimat mengenai manfaat kecerdasan buatan (AI) dalam diagnosis

perubatan, perlindungan alam sekitar dan pencegahan jenayah, selain bertanya pelbagai soalan sepanjang sesi berkenaan.

Menggunakan sistem Telepresence Huawei iaitu aplikasi yang membolehkan perbincangan atau mesyuarat dilakukan secara maya berdefinisi tinggi (HD), Dr Mahathir bercakap kepada pelajar program *Huawei's Seed for the Future* di Pusat Latihan Global Malaysia (MGTC) Huawei di Cyberjaya.

Program berkenaan adalah kolaborasi bersama Kementeri-

an Pendidikan.

Dr Mahathir turut menyaksikan reka letak futuristik pusat Huawei di barat laut Beijing, mirip kampus universiti yang mempunyai tiga bangunan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dilengkapi laman dalam serta taman.

Kemudahan dianggap Lembah Silikon China terletak di Zhongguancun itu, menempatkan hampir 9,000 firma berteknologi tinggi, termasuk beberapa firma internet terbesar China seperti Baidu dan Sina Corporation yang tersenarai di pasaran saham Nasdaq.